



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENDIDIKAN MORAL**  
**KOD KURSUS : MPU 3023**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (30 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan. Jawab semua soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Bermoral bermaksud memiliki sifat-sifat baik dan terpuji selaras dengan \_\_\_\_\_.
  - A. kehendak keluarga, masyarakat dan negara.
  - B. kehendak rakan, masyarakat dan agama.
  - C. kehendak keluarga, kumpulan khusus dan negara.
  - D. kehendak kawan, persatuan dan negara.
  
2. Menurut Scoot 1968 insan yang bermoral adalah individu yang sihat dan normal. Kriteria tersebut adalah
  - A. Bersikap negatif, antisosial dan memilih kasih
  - B. Bersikap positif, produktif dan matang menguruskan masalah dan konflik
  - C. Bersikap positif, tidak upaya mengawal emosi dan bermotivasi
  - D. Bersikap negatif, produktif dan mempunyai autonomi.
  
3. Etika menurut Drs Sidi Gazalba adalah
  - A. kelakuan yang baik, sikap moral, keadilan sosial dan tanggungjawab moral dan ciri-ciri kehidupan yang baik.
  - B. cadang falsafah yang membicarakan tentang nilai dan norma moral yang menentukan perilaku manusia dalam hidupnya.
  - C. teori tentang tingkah laku dan perbuatan manusia yang dipandang dari segi baik dan buruk, sejauh yang dapat ditentukan oleh akal.
  - D. Ilmu berkenaan prinsip-prinsip akhlak atau moral.
  
4. Tujuan etika dalam kehidupan adalah
  - A. Untuk memastikan ketidaksempurnaan dalam kehidupan
  - B. Memberi hukuman kepada individu dalam melakukan kesalahan
  - C. Kecekapan organisasi dalam memastikan matlamat tidak tercapai
  - D. Kesejahteraan hidup individu dan masyarakat.

5. Berikut adalah pemikiran – pemikiran moral kecuali
- Pemikiran naturalis dan pemikiran sensitif
  - Pemikiran emotivis dan pemikiran mutlak
  - Pemikiran instuisionis dan pemikiran instrumental
  - Pemikiran rasionalis dan pemikiran naturalis
6. Pernyataan Normatif ialah
- Suatu pemilihan antara salah atau betul suatu pernyataan
  - Suatu pertimbangan nilai baik atau buruk, salah atau betul, diterima atau ditolak
  - Suatu penilaian antara moral baik atau buruk
  - Suatu perkiraan norma yang boleh diterima atau ditolak
7. Barisan Nasional memenangi pilihan raya kawasan Sungai Besar dan Kuala Kangsar walaupun sengit berlawanan dengan parti PAS dan KEADILAN.  
Kenyataan di atas dilihat tiada kaitan dengan pertimbangan nilai-nilai moral. Pernyataan di atas dinamakan pernyataan
- Metaetika
  - Moralitas
  - Normatif
  - Deskriptif
8. Sistem nilai atau hukum dalam Islam boleh dibahagikan kepada jenis atau bentuk yang setiap satunya melibatkan tahap hukuman. Di bawah adalah hukum
- wajib, haram, makruh, harus
  - halal, benci, harus, sunat
  - haram, puji, makruh, harus
  - wajib, harus, pilihan, sunat
9. Di dalam The Ten Commandments terdapat sepuluh nilai moral yang dihayati oleh penganut Kristian. Antaranya
- Tidak berbohong, tidak buang sampah merata-rata, tidak percaya kepada trinititi
  - Tidak membunuh, tidak menyakiti hati orang lain, menyebut nama Tuhan
  - Tidak menyembah patung, menghormati ibu bapa, menjaga hak jiran
  - Tidak mencuri, tidak merompak, tidak menjual dadah dan ganja.

10.

- Tidak merokok
- Mencegah zina
- Mengelakkan penyembelihan ternakan dengan kejam

Berdasarkan butiran di atas, dalam agama Sikh menganjurkan

- A. Tatacara hidup
- B. Tonggak hidup
- C. Gaya hidup
- D. Panduan hidup

11. Terdapat empat teori etika yang utama

- i- Kemoralan sosial
- ii- Keperibadian mulia
- iii- Teleologis
- iv- Eksistensialisme

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. i, iii dan iv

12. Bentham telah memperkenalkan satu kaedah saintifik untuk menganalisis kuantiti keseronokan dengan mempertimbangkan tujuh elemen berikut

- i- Kedalaman atau kekuatan
- ii- Kebebasan atau kelonggaran
- iii- Ketentuan atau kepastian
- iv- Keyakinan atau keteguhan

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. i, iii dan iv
- D. ii, iii dan iv



13. Pengaruh persekitaran sosial, sikap mempertahankan diri sendiri dan ketidakanjalan dalam motif dan dorongan adalah faktor wujudnya bagi aliran
- A. eksistensialisme
  - B. deontologis
  - C. utilitarianisme
  - D. egoisme
14. Teori perkembangan moral terdapat lima aliran teori antaranya
- A. Psikoanalisis, behaviourisme dan pembelajaran sosial
  - B. Consciousme, kesedaran dan perkembangan moral kognitif
  - C. Pembelajaran tingkah laku, autonomous dan humanistik
  - D. Pembelajaran sosial, consciousness dan psikoanalisis
15. Terdapat tiga komponen dalam pemikiran manusia yang dijelaskan oleh tokoh teori psikoanalisis. Tokoh tersebut ialah
- A. Skinner
  - B. Sigmund Freud
  - C. Jean Piaget
  - D. Lawrence Kohlberg
16.            ialah gabungan suara batin dan ego-unggul yang berfungsi untuk menentukan tingkah laku.
- A. Ego
  - B. Id
  - C. Super ego
  - D. Conscious
17. Piaget membahagikan kepada empat peringkat perkembangan intelek yang dilalui oleh kanak-kanak seperti di bawah
- A. Sensori hygiene, praoperasi, operasi mental dan operasi kekuatan
  - B. Sensori motor, praketahanan, operasi konkrit dan operasi badan
  - C. Sensori hygiene, prakesedaran, operasi mental dan operasi pertumbuhan
  - D. Sensori motor, praoperasi, operasi konkrit, dan operasi formal

18. Implikasi teori Bandura dalam pendidikan moral ialah
- i- Ibu bapa dan guru menjadi contoh yang baik
  - ii- Perhatian yang tinggi terhadap respon kanak-kanak
  - iii- Alat bantu mengajar perlu ditapis dan dikawal
  - iv- Sosialisasi ibu bapa
- A. i dan ii  
B. i dan iii  
C. i, iii dan iv  
D. ii, iii dan iv
19. Carl Rogers menyatakan konsep diri adalah
- A. Kemampuan batin yang kukuh tentang pengalaman yang berhubungan dengan saya dan orang lain
  - B. kesedaran batin yang tetap, tentang pengalaman yang berhubungan dengan aku dan membezakan aku dengan yang bukan aku
  - C. keupayaan batin yang teguh tentang pengalaman yang berhubungan dengan aku dan membezakan aku dengan orang lain.
  - D. Kelahiran batin yang kuat tentang pengalaman yang berhubungan dengan saya dan membezakan saya dengan orang lain.
20. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengusahakan penubuhan
- A. Kesatuan Melayu Great Britain
  - B. Yayasan Al-Bukhary
  - C. Persatuan Sasterawan Melayu
  - D. Institut Keselematan dan Kesihatan Pekerjaan
21. Abdul Malik Karim Amrullah iaitu lebih dikenali dengan HAMKA telah meneliti karya ulama dan sarjana dari negara berikut
- A. Perancis, Inggeris dan Jerman
  - B. Jepun, Perancis, Turki
  - C. Inggeris, India dan Jerman
  - D. Indonesia, Perancis dan Inggeris

22. Proses sosialisasi sekunder merupakan pengaruh unsur luar menjadi dominan seperti rakan sebaya dan media masa sebagai contoh
- A. Suka berkawan dan berhibur
  - B. Suka sentuhan fizikal
  - C. Suka ciuman dan pelukan
  - D. Suka keganasan
23. Berikut adalah unsur-unsur yang boleh merosakkan proses sosialisasi
- A. Rakan sebaya, internet, dan tv
  - B. Jiran, sanak saudara dan media massa
  - C. Internet, telefon bimbit, media massa
  - D. Telefon bimbit, laptop dan tv
24. LGBT ialah singkatan bagi perkataan Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender. Kes ini wujud sejak tahun 1990. Punca berlakunya LGBT ini seperti berikut
- i- Pengaruh rakan sebaya
  - ii- Pengalaman pahit
  - iii- Kelemahan peraturan dan penguatkuasaan
  - iv- Pegangan agama yang longgar
- A. i, ii dan iii
  - B. i, ii dan iv
  - C. ii, iii dan iv
  - D. i, ii, iii dan iv
25. Manakah antara berikut pernyataan yang **BENAR** tentang Pernerdagangan Manusia
- A. Gejala ini akan menyebabkan aktiviti pelacuran akan berleluasa.
  - B. Aktiviti ini boleh dikaitkan dengan penyeludupan rokok dan ganja.
  - C. Pernerdagangan manusia akan merosakkan institusi keluarga.
  - D. Aktiviti pernerdagangan manusia mengakibatkan masalah sosial dalam masyarakat akan meningkat.



26. Sek bebas ialah hubungan seksual yang dilakukan di luar ikatan perkahwinan baik suka sama suka mahupun dalam dunia pelacuran. Bagi Camelia Leyland warga Cornwall Inggeris menyatakan beliau merasa tertekan dalam budaya masyarakat Barat yang menuntut sosial agar wanita berlaku sama dengan lelaki, dengan minum minuman keras dan seks bebas. Sedangkan orang Barat juga tidak gemar gejala ini malahan akhirnya memeluk agama yang benar iaitu Islam. Berdasarkan gejala tersebut akan memberi kesan yang besar iaitu
- A. Kehamilan anak sebelum berkahwin dan pembuangan bayi secara berleluasa.
  - B. Dapat menambahkan zuriat yang ramai.
  - C. Duit yang banyak akan diberikan
  - D. Keseronakan seks akan berleluasa.
27. Menurut Berita AWANI kira-kira 3000 kes buli di sekolah pada tahun 2015 berkurangan sebanyak seribu. Sebagai contoh kes buli terdapat seorang murid tahun dua dipaksa menggantung lidahnya sendiri akibat dibuli oleh pelajar tahun tiga di Klang. Dengan mudah mereka membuli pelajar baru untuk menunjukkan mereka mempunyai kuasa dan kuat. Berdasarkan gejala ini punca-punca berlakunya kes buli seperti berikut KECUALI
- A. Pengaruh rakan sebaya
  - B. Media massa
  - C. Kegagalan institusi keluarga
  - D. Pengawasan pihak sekolah
28. Seorang individu tidak dapat mengawal pemikiran rasional disebabkan
- I. Orang yang berjaya dan cekap barulah dianggap berguna
  - II. Seorang mesti dikasihi dan diterima oleh setiap orang dengan alasan
  - III. Orang yang jahat dan busuk hati akan disalahkan dan dihukum
  - IV. Orang yang bertanggungjawab terhadap sesuatu perkara perlu rasa bersalah jika perkara yang dibuat tidak mencapai dan mengikut apa yang diinginkan.
- A i, ii dan iii
  - B i, iii dan iv
  - C ii, iii dan iv
  - D i, ii, iii dan iv

29. Mengikut penganut Kritsian terdapat sepuluh (10) rukun yang perlu dipertimbangkan dalam membuat keputusan konflik. Rukun-rukun tersebut seperti di bawah

- I. Boleh menggunakan nama Tuhan bila-bila masa pada semua perkara
- II. Jesus mengajar pengikutnya mengakui kewujudan Tuhan
- III. Jesus mengajar Tuhan itu satu sahaja.
- IV. Mengingatnkan Kemuliaan hari Ahad

- A i, ii dan iii
- B i, iii dan iv
- C ii, iii dan iv
- D i, ii, iii dan iv

30. Dalam agama Islam akal berfungsi melakukan aktiviti pemikiran namun pengaruh jiwa dan roh sangat kuat. Apabila konflik berlaku Islam mengutamakan beberapa perkara perlu dibuat seperti berikut

- I. Mendengar ceramah
- II. Solat wajib dan sunat
- III. Banyak berdoa
- IV. Sedekah

- A i, ii dan iii
- B i, iii dan iv
- C ii, iii dan iv
- D i, ii, iii dan iv

[30 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan berstruktur. Jawab semua soalan di dalam Buku Jawapan.

**Soalan 1**

1. Berikan satu definisi nilai yang lengkap. (2 Markah)

2. Terangkan empat jenis nilai berserta contohnya. (8 Markah)

**Soalan 2**

1. Nyatakan teori keperibadian mulia (personality virtue theory) (2 Markah)

2. Huraikan empat kelemahan dan kritikan keperibadian mulia. (8 Markah)

**Soalan 3**

1. Berikan maksud tiga dimensi moral. (3 Markah)

2. Jelaskan tiga prinsip asas dalam menentukan insan bermoral. (7 Markah)

**Soalan 4**

1. Nyatakan dua kepentingan sosialisasi. (2 Markah)

2. Terangkan secara ringkas peranan agen moral dalam proses sosialisasi. (8 Markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan esei. Pilih dan jawab **DUA (2)** sahaja soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Sebuah kilang kelapa sawit milik Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) bakal menghadapi tindakan undang-undang kerana menyebabkan pencemaran ammonia di Sungai Johor. Ini salah satu pencemaran air yang berlaku baru baru ini. Bagi pendapat anda, apakah tindakan dan hukuman yang perlu dilakukan oleh yang berkuat kuasa atas masalah ini.

(15 markah)

**SOALAN 2**

Kes penderaan kanak-kanak makin meningkat setiap tahun. Statistik menunjukkan laporan kes penderaan dari tahun 2011 sebanyak 242 kes kemudian tahun 2012 sebanyak 285 kes, tahun 2013 sebanyak 295, tahun 2014 sebanyak 328 kes, tahun 2015 sebanyak 329 kes. (Utusan Malaysia). Terangkan peranan dan langkah-langkah pihak berkuasa, ibu bapa dan kerajaan bagi mengatasi masalah besar ini.

(15 markah)

**SOALAN 3**

Militan Filipina yang memenggal kepala lelaki Kanada bulan lalu mengancam membunuh seorang lagi tebusan Barat jika wang tebusan jutaan dolar tidak dibayar dalam masa empat minggu dari sumber Berita Harian. Dunia kini semakin tidak kenal erti kasih sayang terhadap sesama manusia. Berdasarkan masalah di atas, terangkan sebab dan punca kejadian tersebut boleh terjadi.

(15 markah)

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**





